

03/10/2001

Cuepacs harap bonus dua bulan gaji

KUALA LUMPUR, Selasa - Cuepacs berharap kerajaan akan mengumumkan pemberian bonus dua bulan gaji dalam Belanjawan 2002 yang akan dibentangkan pada 19 Oktober ini.

Presidennya, Datuk N Siva Subramaniam, berkata Cuepacs yakin kerajaan masih berupaya memberi imbuhan itu kerana sebelum ini kakitangan awam tidak pernah dihampakan walaupun ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi.

"Kita harap kerajaan tidak menghampakan perasaan pekerja. Sebelum ini setiap tahun kita dapat bonus dan ini satu rekod yang bagus," katanya selepas majlis perasmian Konvensyen Cuepacs Ke-22 oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini, hari ini.

Beliau berkata, pemberian bonus akan membantu menggerakkan kegiatan ekonomi apabila kakitangan awam membelanjakan wang mereka.

"Jika kerajaan memberi bonus dua bulan gaji, ia diharap akan diikuti sektor swasta yang seterusnya membolehkan rakyat berbelanja dan membantu pemulihan ekonomi negara.

"Setiap tahun, kerajaan beri bonus sama ada dalam bentuk imbuhan atau pendahuluan. Kita yakin tahun ini pun, kita akan dapat sesuatu. Maka kita kena tunggu Belanjawan atau selepas itu," katanya.

Siva bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai permintaan bayaran bonus itu kerana dikhuatiri akan menimbulkan pelbagai spekulasi.

"Tunggu Belanjawan nanti, saya tidak mahu buat spekulasi kerana harga barang akan naik dan terpulanglah kepada kerajaan untuk membuat sebarang keputusan," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan akan membentangkan Belanjawan 2002 pada 19 Oktober ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Siva berharap kerajaan akan menimbang cadangan Cuepacs untuk mengubah skim pencen bekas kakitangan perkhidmatan awam daripada separuh gaji terakhir ketika ini kepada dua pertiga gaji yang terakhir serta memperkenalkan gaji minimum RM1,000 sebulan.

(END)